

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)46

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

46. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menghadapi bencana malapetaka seperti COVID-19 yang berlaku sekarang dengan meningkatkan persediaan penyimpanan barangan asas atau barang keperluan yang mencukupi untuk menangani dan menguruskan bencana tersebut?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

46. Kerajaan Negeri sentiasa bersedia dalam menghadapi bencana yang menimpa. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) sering bermesyuarat dan membincangkan perkara-perkara yang melibatkan ramalan dan kesiapsiagaan pengurusan bencana bersama jabatan-jabatan teknikal lain.

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) yang bertindak selaku Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat negeri bertindak untuk menyelaras segala keperluan dan maklumat berkaitan bencana. Perkara ini merupakan

perkara utama yang dilihat oleh APM dan dibentangkan dalam mesyuarat JPBN untuk makluman YB SUK selaku Pengerusi JPBN.

Kerajaan Negeri juga sentiasa bekerjasama dengan agensi dan pihak kementerian seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Jabatan Pertanian dan lain-lain untuk memastikan agar bekalan barangan asas adalah cukup untuk seluruh rakyat negeri, terutamanya semasa berlakunya kejadian bencana.